From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Wednesday, 29 June, 2022 2:37:45 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: Pelajar TISSA Terima Anugerah 'MIA Best Accounting Students Award 2021'

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

29 JUN 2022 / 29 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Dr. Dzarfan Abdul Kadir
Gambar oleh: TISSA-UUM

PELAJAR TISSA TERIMA ANUGERAH 'MIA BEST ACCOUNTING STUDENTS AWARD 2021'



UUM ONLINE: Pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat), Muhammad Ariff Haidar menerima anugerah 'MIA Best Accounting Students Award 2021' dari Institut Perakaunan Malaysia (MIA), badan induk profesional perakaunan di Malaysia, baru-baru ini.

Kejayaan pelajar dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) itu adalah selepas beliau berjaya memperoleh kecemerlangan akademik di samping penglibatan dalam kurikulum semasa belajar di Universiti Utara Malaysia (UUM).

Muhammad Ariff yang kini menjalani latihan praktikum selaku Technololgy Advisory Trainee di BDO, salah sebuah firma perakaunan terkemuka merakamkan penghargaan kepada UUM, TISSA, keluarga dan rakan-rakan di atas sokongan dan dorongan yang berterusan sehingga beliau berjaya mencapai kejayaan tersebut.

Menurutnya, bukan mudah untuk memperoleh kejayaan itu jika tiada usaha bersungguh-sungguh.

Katanya, beliau sentiasa merancang struktur kursus pembelajaran untuk memberi tumpuan kepada peperiksaan profesional ICAEW di semester 7 dengan mengambil lebih satu kursus dari bilangan yang dicadangkan di dalam struktur program pengajian pada setiap semester.

Di samping kecemerlangan akademik, anak kelahiran Pendang itu turut mempamerkan kecemerlangan seimbang di dalam aktiviti kurikulum.

Beliau menunjukkan tahap kepimpinan yang unggul apabila menerajui badan Persatuan Pelajar Perakaunan UUM (NOVAC-TISSA) selaku Presiden pada tahun 2021.

Selain itu, beliau juga merupakan ahli seumur hidup BGS UUM Chapter dan turut aktif melaksanakan program di bawah pertubuhan itu. Beliau juga merupakan peserta untuk Program Padawan selama enam bulan anjuran CUIC bersama Petronas Tax Group.

Muhammad Ariff turut mengharumkan nama UUM apabila menerima beberapa anugerah dan hadiah kecemerlangan dalam pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, antaranya pasukannya mendapat tempat ke-3 di dalam ASEAN Future Sustainable Leader Case Competition 2021 anjuran International University of Malaya-Wales (IUMW) apabila memperkenalkan polisi pengurangan karbon untuk negara mencapai kosong pengeluaran karbon pada tahun 2050.

Di samping itu, kertas cadangannya untuk Zakat Innovation Challenge 2021 anjuran Lembaga Zakat Negeri Kedah juga telah dianugerahkan tempat ke-3 terbaik. Kertas cadangan itu meliputi inisiatif pengurusan bakat untuk mencungkil bakat berpotensi untuk membangunkan sosioekonomi di samping membekalkan bakat yang pelbagai untuk pembangunan negeri.

Beliau juga turut berpeluang membentangkan kertas cadangan pemantapan inisiatif Kementerian Komunikasi dan Multimedia di hadapan menteri kerana terpilih sebagai antara 10 finalis dalam pertandingan IDEAS4KKMM anjuran kementerian berkenaan.

Di dalam pertandingan Dell Business Challenge 2021, Dell Technolologies telah mengiktiraf Muhammad Ariff selaku pasukan ke-2 terbaik di dalam pertandingan itu di mana peserta harus mengaplikasikan prinsip perakaunan dan membuat keputusan strategik dalam menyelesaikan masalah perniagaan.

Muhammad Ariff berharap agar pelajar lain terus mencabar diri sendiri, berbakti kepada masyarakat kerana kejayaan yang manis bukanlah untuk diri sendiri tetapi untuk masyarakat secara keseluruhannya.

Sementara itu, Dekan TISSA, Prof. Dr. Noraziah Abd. Manaf melahirkan rasa bangga di atas kejayaan Muhammad Ariff yang terus mengharumkan nama UUM dan TISSA-UUM.
“Saya berharap pencapaian ini akan menjadi inspirasi kepada semua pelajar untuk belajar dengan tekun dan bersungguh-sungguh di samping mencabar diri untuk aktif di dalam kurikulum.
“Kejayaan ini juga secara tidak langsung membuktikan program perakaunan UUM mampu melahirkan graduan perakaunan berkualiti dan seimbang setanding dengan universiti terkemuka dunia,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.